




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 410 kes. Bilangan kematian adalah 2 orang. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 13,155 kes. Sehingga hari ini, seramai 5,615 pesakit dilaporkan telah sembuh. Manakala, seramai 7,433 pesakit sedang menerima rawatan dalam wad di seluruh Sabah.
- 2 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Hari ini terdapat satu (1) penambahan zon merah iaitu di Kota Marudu.

- 3 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu di daerah Kota Kinabalu iaitu:
 - (i) Kluster Lintas sebanyak enam (6) kes.
- 4 Daerah Kota Kinabalu mencatat kes tertinggi sebanyak 85 kes. Daripada jumlah ini, 42 kes adalah daripada saringan kontak rapat. Manakala, 16 kes daripada saringan bergejala, 8 daripada saringan sendiri, 7 daripada Kluster Penjara Kepayan, 6 kes daripada saringan kemasukan hospital dan 6 kes daripada saringan sebelum bekerja.
- 5 Daerah Tawau pula, mencatatkan kes kedua tertinggi iaitu sebanyak 84 kes pada hari ini. Daripada jumlah ini, Kluster Tanamera (3 kes), Saringan Bergejala (13 kes), Saringan Dalam Komuniti (14 kes), Saringan Kontak Rapat (52 kes), Saringan Kemasukan Hospital (1 kes) dan Saringan *Brought In Dead (BID)* (1 kes).
- 6 Kluster Penjara Kepayan pada hari ini merekodkan sebanyak tujuh (7) kes positif. Kumulatif kes positif melibatkan kes penjara ialah sebanyak 1,566 kes. Sehingga ini, seramai 1,955 daripada 2,686 banduan telah disaring.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar sedang berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **93,793** bakul makanan telah diagihkan.

C. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

1. Sebanyak 65 SJR telah dilaksanakan di 65 lokasi melibatkan 32,066 kenderaan diperiksa. Manakala, sebanyak 201 buah kenderaan diarah berpatah balik dengan dua (2) tangkapan dan 30 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96%.
2. Penguatkuasaan undang-undang di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan kawasan pantai timur adalah sebanyak 253 pemeriksaan dan perairan Labuan sebanyak 20 pemeriksaan.

3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di lima (5) premis di tiga (3) buah daerah iaitu Semporna, Kota Kinabalu dan Beaufort.
4. Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah telah dilaksanakan di 73 lokasi di 11 buah daerah.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Dalam kesempatan ini, saya menyeru semua penduduk negeri Sabah berikhtiar dan terus berdoa mengikut kepercayaan masing-masing agar Negeri Sabah segera pulih dari pandemik COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
27 Oktober 2020**